BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Ref. No.: 03/06/03

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum jam 1800 pada hari Rabu, 22 Mac 2006

SIARAN AKHBAR
Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2005

Ekonomi Malaysia pada Tahun 2005

Biarpun berhadapan dengan harga minyak yang tinggi dan kitaran elektronik global yang menurun pada separuh tahun pertama, ekonomi Malaysia berkembang 5.3% pada tahun 2005. Pertumbuhan ekonomi didorong oleh dasar makroekonomi yang menyokong, pertumbuhan global yang kukuh serta keadaan kewangan yang menggalakkan. Pada tahun 2005, sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan. Sebaliknya, sektor awam terus mengukuhkan keadaan kewangannya ke paras yang lebih mapan.

KDNK mengikut Komponen Perbelanjaan (perubahan, %)

	2004	2005a	2006r
Keluaran Dalam Negeri Kasar	7.1	5.3	6.0
Perbelanjaan Sektor Swasta[1]	13.1	9.5	7.4
Penggunaan	10.5	9.2	6.8
Pelaburan	25.8	10.8	10.0
Perbelanjaan Sektor Awam[1]	-2.1	3.1	3.0
Penggunaan	6.0	5.9	3.2
Pelaburan	-8.7	0.4	2.7
Eksport Bersih Barangan dan Perkhidmatan	-22.4	19.3	-5.4
Eksport	16.3	8.4	8.9
Import	20.7	7.6	10.0

[1] Tidak termasuk stok

a Awalan r Ramalan

Meskipun terdapat kebimbangan terhadap kesan harga minyak yang tinggi dan ketidakpastian prospek luaran pada awal tahun, permintaan dalam negeri agregat mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 7.3%. Penggunaan swasta terus meningkat, disokong oleh perkembangan positif dalam ekonomi, iaitu pendapatan boleh guna yang meningkat, peningkatan dalam jawatan kosong dan keadaan pembiayaan yang akomodatif. Harga bahan api yang lebih tinggi tidak melembapkan aktiviti penggunaan swasta kerana tahap penggunaan dikekalkan dengan sedikit penyederhanaan dalam simpanan yang menunjukkan keyakinan pengguna terhadap pertumbuhan pendapatan dan prospek ekonomi yang positif. Di samping itu, Kerajaan mengambil langkah aktif, berikutan pelarasan harga tertadbir, untuk mengembalikan elaun bagi menangani kenaikan kos sara hidup dan mengurangkan cukai jalan bagi kenderaan yang lebih kecil yang digunakan oleh golongan berpendapatan rendah. Bagi pelaburan swasta, kebimbangan terhadap kesan harga minyak yang tinggi dan ketidakpastian mengenai prospek ekonomi telah diimbangi oleh perkembangan positif, terutamanya peningkatan dalam kitaran elektronik menjelang akhir tahun, di samping permintaan dalam negeri yang kekal kukuh.

Anggaran Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa ekonomi menghadapi pertumbuhan yang seimbang pada tahun 2005. Jurang keluaran, atau perbezaan antara keluaran sebenar dengan keluaran potensi yang dinyatakan sebagai peratusan paras keluaran potensi, kekal rendah. Yang penting, terdapat peningkatan dalam produktiviti dan pengumpulan modal yang lebih pesat hasil daripada pemulihan pelaburan swasta yang kukuh. Ini akan menyebabkan jurang keluaran mengecil lagi pada tahun 2006.

KDNK berdasarkan Aktiviti Ekonomi (perubahan, %)

	2004	2005a	2006r
KDNK Benar	7.1	5.3	6.0
(RM bilion)	249.0	262.0	277.6
Pertanian	5.0	2.1	2.0
Perlombongan & Kuari	3.9	0.8	5.0
Perkilangan	9.8	4.9	7.0
Pembinaan	-1.5	-1.6	1.0
Perkhidmatan	6.8	6.5	6.0

a Awalan
r Ramalan

Semua sektor dalam ekonomi mencatat kadar pertumbuhan positif kecuali sektor pembinaan. Walaupun pertumbuhan pengeluaran sektor perkilangan sederhana pada separuh tahun pertama akibat kitaran elektronik global yang menurun, ia diimbangi sebahagiannya oleh pertumbuhan yang kukuh dalam industri berasaskan sumber dan industri berorientasikan pasaran dalam negeri yang tertentu. Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan sektor perkilangan mula mencatat kenaikan apabila industri yang berorientasikan eksport kembali kukuh berikutan pemulihan dalam industri separa konduktor global, sementara pertumbuhan industri dalam negeri utama yang lain terus berkembang. Sektor perkhidmatan pula terus berkembang dengan kukuh pada tahun 2005, disokong oleh permintaan dalam negeri yang teguh, ketibaan pelancong yang lebih tinggi dan aktiviti perniagaan yang meningkat.



Nota: Penyesuaian belum dibuat untuk bayaran perkhidmatan bank tertaksir dan duti import.

Sektor pertanian mencatat peningkatan yang sederhana disebabkan terutamanya oleh prestasi yang lebih lemah dalam subsektor getah, perikanan dan padi. Pertumbuhan sektor perlombongan juga sederhana disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah yang lebih rendah walaupun pengeluaran gas asli jauh lebih tinggi. Sektor pembinaan susut buat tahun kedua berturut-turut berikutan aktiviti kejuruteraan awam yang kekal lembap. Namun begitu, segmen kediaman dan bukan kediaman terus berkembang disebabkan oleh permintaan yang kukuh terhadap rumah dan minat yang mantap terhadap ruang pejabat dan perniagaan. Dalam subsektor kediaman,

pertumbuhan pendapatan yang berterusan dan prospek pekerjaan yang stabil menggalakkan permintaan daripada sektor isi rumah. Di samping itu, kadar faedah yang rendah dan produk kewangan bagi pinjaman harta tanah yang inovatif turut menyokong permintaan ini.

Inflasi meningkat sejajar dengan peningkatan harga minyak global, tetapi masih berada pada tahap yang boleh diurus. Walaupun harga petrol runcit telah meningkat, kenaikan ini tidak memberi kesan yang menjejaskan struktur kos syarikat. Pada masa yang sama, para pengeluar telah menyerap sebahagian daripada peningkatan harga berikutan tekanan persaingan, lantas menyederhanakan peningkatan harga dalam negeri. Kenaikan harga akibat tolakan kos ketara terutamanya dalam kategori pengangkutan dan komunikasi, sementara inflasi teras secara relatif kekal rendah pada kadar 2% (2004: 1%). Inflasi seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) berada pada 3% pada tahun 2005. Yang lebih penting, harga tenaga yang lebih tinggi juga seolah-olah memperhebat usaha ke arah kecekapan tenaga yang lebih tinggi dan meningkatkan produktiviti untuk mengurangkan kos. Terdapat bukti bahawa penggunaan tenaga adalah lebih efisien dalam sektor perkilangan, seperti yang ditunjukkan oleh penurunan dalam keamatan tenaga seperti yang diukur oleh penggunaan tenaga berbanding dengan jualan. Keadaan pasaran pekerja kekal stabil dengan kadar pengangguran kekal rendah pada 3.5%.

Inflasi dan Pengangguran (%)

	2004	2005a
Inflasi dan Pengangguran (%)		
IHP (2000=1000)	1.4	3.0
IHP Teras[1]	1.0	2.0
Pengangguran	3.5	3.5

a Awalan

[1]Tidak termasuk barangan harga tertadbir, barangan harga mudah ubah serta barangan yang tertakluk kepada pelarasan harga satu kali.

Imbangan pembayaran keseluruhan kekal kukuh pada tahun 2005, disokong oleh lebihan akaun semasa yang lebih besar, iaitu sebanyak RM77.8 bilion, atau 16.4% daripada KNK (2004: RM56.5 bilion, atau 13.3% daripada KNK). Lebihan akaun semasa yang lebih besar itu mencerminkan lebihan perdagangan yang lebih kukuh sebanyak RM99.8 bilion (2004: RM80.7 bilion) berikutan pertumbuhan eksport yang secara relatif lebih tinggi berbanding dengan import. Eksport berkembang dengan lebih sederhana sebanyak 11% pada tahun 2005 (2004: 20.8%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan eksport perkilangan yang perlahan, terjejas akibat kelembapan sektor IT pada awal tahun serta pertumbuhan yang lebih sederhana dalam eksport pertanian. Walau bagaimanapun, eksport mineral kekal kukuh, disokong oleh harga tenaga yang lebih tinggi. Pertumbuhan import sederhana sebanyak 8.5% (2004: 26.4%), disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam import barangan pengantara berikutan prestasi yang lembap dalam sektor elektronik dan elektrik. Defisit akaun perkhidmatan yang lebih besar diimbangi oleh pengurangan dalam defisit akaun pendapatan.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM42 bilion pada tahun 2005 (2004: +RM15.1 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih pelaburan portfolio, pemberian kredit perdagangan yang lebih besar oleh pengeksport Malaysia dan pembayaran balik hutang luar negeri oleh sektor awam yang lebih besar. Aliran keluar pelaburan portfolio mencerminkan aliran keluar dana yang telah mengalir masuk pada tahun 2004 dan permulaan tahun 2005 berikutan jangkaan akan berlaku perubahan dalam rejim kadar pertukaran dan kenaikan dalam nilai ringgit yang lebih besar berikutan pertukaran rejim itu. Selepas itu, aliran portfolio menjadi stabil dalam proses penemuan harga secara teratur. Pada asas kasar, pelaburan langsung asing (FDI) meningkat kepada RM25 bilion (2004: RM23.5 bilion) atau 5.3% daripada KNK. Aliran masuk FDI ketara terutamanya dalam sektor minyak dan gas, perkhidmatan dan perkilangan.



Lebihan akaun semasa kekal besar dan lebih daripada mengimbangi aliran keluar bersih dalam akaun kewangan dan pengurangan nilai rizab hasil daripada penilaian semula pertukaran asing yang timbul berikutan pengukuhan nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama. Hasilnya, rizab antarabangsa meningkat sebanyak RM12.8 bilion kepada RM266.3 bilion atau bersamaan dengan USD70.5 bilion pada akhir tahun 2005. Pada 15 Mac 2006, paras rizab antarabangsa meningkat lagi kepada RM275.2 bilion atau USD72.9 bilion, memadai untuk membiayai import tertangguh selama 7.9 bulan dan ialah 6.7 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Hutang luar negeri Malaysia menurun kepada RM195.9 bilion pada tahun 2005 (2004: RM200.6 bilion), mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman luar negeri yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan perusahaan awam bukan kewangan (PABK). Pembayaran balik oleh Kerajaan Persekutuan ekoran kematangan bon Euro yang diterbitkan pada tahun 2000 dan beberapa pembayaran balik pokok berjadual, sementara bagi pihak PABK terdapat bon berdenominasi dolar AS yang matang serta pembayaran balik beberapa pinjaman. Sebaliknya, peningkatan yang sedikit dalam hutang jangka pendek disebabkan terutamanya oleh sektor perbankan yang menjalankan aktiviti melindung nilai yang lebih banyak untuk urus niaga berkaitan dengan perdagangan. Kedudukan hutang luar negeri Malaysia kekal mapan, dengan nisbah khidmat bayaran hutang terus mantap pada 4.7% dengan bahagiannya daripada KNK menurun ke paras 41.4% (2004: 47.2%). Seterusnya, hutang jangka pendek kekal rendah, mencakupi 23.6% daripada jumlah hutang luar negeri.

Pengurusan Makroekonomi pada Tahun 2005

Keadaan makroekonomi kekal kukuh pada tahun 2005, dengan akaun semasa imbangan pembayaran mencatat lebihan, paras tabungan dan rizab yang tinggi sementara inflasi kekal pada paras yang terurus. Pada tahun 2005, hutang luar negeri juga terus berkurang. Selain itu, Kerajaan terus komited untuk memperkukuh kedudukan kewangannya dengan pengecilan dalam defisit kewangannya daripada 4.3% daripada KDNK pada tahun 2004 kepada 3.8% pada tahun 2005. Pengurangan defisit secara berperingkat-peringkat ini membolehkan Kerajaan menyalurkan lebih banyak sumber untuk pembangunan.

Dasar awam pada tahun 2005 juga tertumpu pada usaha mempercepat peralihan kepada aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi, membangunkan sumber pertumbuhan baru dan mempertingkatkan daya saing. Usaha-usaha termasuk memperbaik sistem penyampaian dan kualiti perkhidmatan seperti penubuhan pejabat perkhidmatan pelanggan dan pusat sehenti, pelancaran Dasar Bioteknologi Nasional (DBN) dan penubuhan Panel Semakan Semula Cukai. Di samping itu, Bajet Tahun 2006 termasuk insentif bagi membangunkan sektor pertumbuhan baru seperti industri bioteknologi, perkilangan berteknologi tinggi dan ICT. Ini termasuk pelancaran Dasar Biofuel Kebangsaan untuk menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pengeluaran biodiesel, pemberian Taraf Perintis kepada syarikat yang tertentu yang menawarkan perkhidmatan ICT dan multimedia, yang melayakkan syarikat tersebut mendapat pelepasan cukai atau elaun cukai sehingga 50% selama lima tahun, dan pembentukan Dana Modal Sains Kehidupan Malaysia bagi tujuan pelaburan dalam bioteknologi dengan sumbangan Kerajaan sebanyak RM100 juta. Sokongan yang berterusan telah juga diberi kepada pembangunan kemahiran sumber manusia dengan menyediakan peruntukan yang lebih besar kepada sektor pendidikan dan latihan, dengan menumpukan pada peningkatan kemahiran untuk mempertingkatkan produktiviti dan nilai ditambah tenaga kerja.

Pengendalian dasar monetari pada tahun 2005 tertumpu pada menyeimbangkan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi dan inflasi dalam jangka masa pertengahan. Dalam tempoh tahun 2005, risiko pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan semakin berkurang manakala risiko terhadap inflasi berterusan. Oleh itu, Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan sebanyak 30 mata asas kepada 3% pada 30 November 2005 dan sebanyak 25 mata asas pada 22 Februari 2006. Pada paras 3.25%, OPR terus kekal di bawah paras neutral. Dengan itu dasar monetari terus menyokong ekonomi.

Dengan matlamat untuk meningkatkan keberkesanan operasi dasar monetari, Bank Negara Malaysia telah secara giat menggunakan perjanjian pembelian balik (repo) sebagai instrumen monetari sejak bulan Januari, memperkenalkan Program Penjagaan Sekuriti Keinstitusian (Institutional Securities Custodian Programme) bagi membolehkan peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti, dan menyediakan kemudahan pemberian pinjaman sekuriti kepada peniaga utama. Di samping itu, bagi meningkatkan lagi ketelusan dalam perkara-perkara berkaitan dengan dasar monetari, rangka kerja keinstitusian bagi merumuskan, melaksanakan dan menyiarkan dasar monetari telah dipertingkatkan lagi pada bulan Disember 2005. Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) telah memutuskan supaya Pernyataan Dasar Monetari (MPS) diterbitkan selepas setiap Mesyuarat MPC. Sebelum ini, MPS diterbitkan empat kali setahun. Selain itu, jadual mesyuarat MPC untuk tahun 2006 telah juga dimaklumkan kepada orang ramai. Ini membolehkan peserta pasaran memahami dasar monetari Bank Negara Malaysia dengan lebih baik.

Pada 21 Julai 2005, Bank Negara Malaysia mengumumkan perubahan daripada sistem kadar pertukaran tetap kepada rejim kadar pertukaran apungan terurus. Nilai ringgit kini dipantau berasaskan kepada sekumpulan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia. Pengukuhan yang berterusan dalam keadaan ekonomi dan kewangan telah menyediakan keadaan yang diperlukan untuk membolehkan peralihan kepada pengaturan baru ini yang efisien. Berikutan pengapungan ringgit, kedudukan portfolio spekulatif yang semakin bertambah pada separuh pertama tahun 2005 telah berkurang.

Aliran keluar dana ini adalah teratur tanpa gangguan kepada pasaran kewangan. Paras rizab yang kukuh telah membolehkan penyesuaian ekoran aliran keluar ini, manakala sistem kewangan dalam negeri terus beroperasi dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi.

Perubahan kepada rejim kadar apungan ini juga telah didahului oleh pembentukan infrastruktur pengurusan risiko yang perlu bagi memastikan peralihan dapat berjalan dengan lancar. Peraturan mengenai perlindungan nilai diliberalisasikan pada bulan April 2004 untuk membolehkan pemastautin dan bukan pemastautin menyertai pengaturan perlindungan nilai dengan bank tempatan berlesen. Di samping itu, Bank Negara Malaysia mengambil langkah untuk terus meliberalisasikan peraturan pentadbiran pertukaran asing bagi menambah baik sistem penyampaian dan mempertingkatkan kefleksibelan dalam sistem kewangan dan ekonomi. Berkuat kuasa mulai 1 April 2005, perubahan seterusnya telah dibuat untuk memberi lebih kefleksibelan untuk pelaburan luar negeri, termasuk menukar paras ambang bagi pelaburan luar negeri, pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin dan penempatan dana oleh pemastautin. Pemastautin juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing di dalam atau di luar negara tanpa memerlukan kelulusan daripada Bank Negara Malaysia. Begitu juga, had bagi kemudahan kredit mata wang asing yang diperoleh pemastautin telah juga dinaikkan.

Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Pada tahun 2005, sistem perbankan meluluskan sebanyak RM35.8 bilion pinjaman baru kepada lebih 85,000 akaun PKS, iaitu pertambahan sebanyak 13.1% berbanding dengan tahun 2004 (akhir tahun 2004: RM31.6 bilion; 92,000 akaun PKS). Pinjaman yang dikeluarkan meningkat 10.2% kepada RM110.7 bilion (akhir tahun 2004: RM100.4 bilion), sementara pinjaman terkumpul kepada PKS meningkat 8.7% kepada RM96 bilion (akhir tahun 2004: RM88.3 bilion). Pinjaman kepada PKS mencakupi 42.6% daripada pinjaman perniagaan terkumpul pada akhir tahun 2005, berbanding dengan 40.3% pada tahun 2004. Pinjaman tidak berbayar (NPL) kasar PKS menurun sedikit kepada RM10.2 bilion dan nisbah NPL kasar menurun kepada 10.6% daripada

jumlah pinjaman terkumpul PKS (akhir tahun 2004: RM10.6 bilion; 12%). Ini mencerminkan kedudukan kewangan PKS yang bertambah baik. Ekoran daripada permintaan yang kukuh, peruntukan bagi Tabung Industri Kecil dan Sederhana 2 dan Tabung Usahawan Baru 2 telah ditambah, masing-masing sebanyak RM250 juta dan RM350 juta kepada RM4.75 bilion dan RM2.35 bilion pada tahun 2005. Oleh itu, jumlah keseluruhan lima tabung khas yang diuruskan oleh Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM8.9 bilion.

Pembangunan PKS yang berdaya tahan dan berdaya saing merupakan tumpuan utama dasar Kerajaan. Sehubungan itu, Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan telah mencapai kemajuan yang besar dalam usaha bersama untuk membangunkan dan menggalakkan PKS yang berdaya tahan dan berdaya saing, dengan pengenalan inisiatif utama yang menumpukan pada memperkukuh infrastruktur yang menyokong pembangunan PKS, pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS dan peningkatan akses kepada pembiayaan oleh PKS. Untuk meningkatkan perumusan dan penyelarasan dasar dan program PKS, serta pemantauan pelaksanaan dan hasil daripada program, Rangka Kerja Perumusan dan Penilaian Dasar diperkenalkan pada tahun 2005. Sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan, Bank Negara Malaysia mempunyai peranan penting dalam membangunkan Rangka Tindakan Pembangunan PKS Kebangsaan 2006 (Rangka Tindakan 2006). Rangka Tindakan 2006 menggariskan objektif, sasaran dan strategi Kerajaan, program utama dan komitmen kewangan bagi pembangunan PKS pada tahun 2006. Di samping itu, penerimapakaian definisi yang sama bagi PKS dan penyempurnaan Banci Asas untuk mengumpul data yang relevan berkenaan status pembangunan dan prestasi PKS, akan memudahkan pengenalpastian isu dan pemantauan kemajuan pembangunan PKS dalam kesemua sektor. Usaha-usaha selanjutnya termasuk pelancaran Portal SMEinfo dan portal latihan dalam talian bagi PKS, dan penerbitan Laporan Tahunan mengenai pembangunan PKS. Untuk terus meningkatkan akses kepada pembiayaan oleh PKS, SME Bank telah memulakan operasi pada 3 Oktober 2005 untuk menyediakan bantuan kewangan dan bukan kewangan kepada PKS, termasuk khidmat sokongan perniagaan dan rundingan, seperti khidmat nasihat dan penyediaan pelan perniagaan.

Prestasi Sistem Perbankan

Sepanjang tahun 2005, sistem perbankan kekal berdaya tahan dan kukuh sepertimana yang ditunjukkan oleh prestasi yang memberangsangkan dalam kesemua penunjuk utama kewangan. Permodalan terus berada pada paras yang cukup tinggi ketika jumlah aset terus meningkat. Ini membolehkan institusi perbankan menyerap kesan daripada beberapa langkah yang berkaitan dengan modal yang diperkenalkan pada tahun itu dengan matlamat meningkatkan lagi kepekaan risiko bagi rangka kerja modal. Nisbah modal wajaran risiko (RWCR) dan nisbah modal teras kekal kukuh sepanjang tahun, masing-masing pada 13.1% dan 10.2% pada akhir tahun 2005. Ketika prestasi ekonomi mapan, kualiti aset sistem perbankan terus bertambah baik pada tahun 2005, dengan pinjaman tidak berbayar (NPL) terus menurun. Peningkatan dalam kualiti pinjaman disebabkan terutamanya oleh pengelasan semula NPL kepada status berbayar yang lebih tinggi berikutan peningkatan dalam keupayaan pembayaran balik oleh peminjam dan hapus kira pada tahun 2005. Sementara itu, nisbah perlindungan kerugian pinjaman berdasarkan klasifikasi 3 bulan dan 6 bulan masing-masing bertambah baik kepada 59.2% dan 65.4%.

Keuntungan operasi kasar pada tahun 2005 meningkat 6.2% kepada RM13.1 bilion, hasil daripada pendapatan yang lebih tinggi yang dijana daripada aktiviti berkaitan faedah dan berasaskan fi. Meskipun terdapat persaingan dalam pemberian pinjaman, pendapatan faedah bersih meningkat 7.6% didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam pendapatan faedah daripada aktiviti pinjaman dan pembiayaan (RM+1.3 bilion atau 4%). Walau bagaimapanapun, pertumbuhan itu disederhanakan oleh peningkatan perbelanjaan faedah yang ditanggung atas deposit pada tahun itu (+RM0.9 bilion atau 6.2%).

Kedudukan Sistem Perbankan[1]

	2004	2005a
Modal		
Nisbah modal teras (%)	11.4	10.2
RWCR (%)	14.4	13.1
Nisbah NPL bersih (%)		
6 bulan	5.8	4.6
3 bulan	7.5	5.8

a Awalan
[1] Termasuk bank-bank Islam

Persekitaran perniagaan dan operasi yang menggalakkan, kedudukan kewangan yang bertambah baik dan prospek ekonomi yang menggalakkan telah memberi rangsangan kepada institusi perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Pada tahun 2005, sektor perbankan membuat peruntukan kerugian pinjaman sejumlah RM11.4 bilion. Namun demikian, keuntungan tidak diaudit sebelum cukai sistem perbankan meningkat 7% kepada RM12.4 bilion pada tahun 2005. Hasilnya, pulangan atas ekuiti purata meningkat kepada 16.9%. Sementara itu, pulangan atas aset purata kekal pada tahap 1.4% berikutan pengembangan setara dalam jumlah aset pada tahun itu.

Sistem Perbankan[1] : Penunjuk Pinjaman

	2004	2005	Pertumbuhan tahunan (%)
	Bagi tahun (RM bilion)		
Permohonan pinjaman	273.3	305.4	11.7
Kelulusan pinjaman	173.6	193.4	11.4
Pengeluaran pinjaman	488.2	529.3	8.4
Pembayaran balik pinjaman	461.6	489.2	6.0
Perubahan jumlah pinjaman terkumpul[2]	40.1	44.2	8.6

[1]Termasuk bank-bank Islam.
[2]Pertumbuhan tahunan adalah untuk jumlah pinjaman terkumpul pada akhir tempoh.

Aktiviti pemberian pinjaman sistem perbankan terus kukuh pada tahun 2005 disokong oleh permintaan pembiayaan yang memberangsangkan oleh sektor perniagaan dan isi rumah. Daya tahan yang kukuh dalam suasana prestasi kewangan yang menggalakkan dan kualiti aset yang bertambah baik telah membolehkan sistem perbankan untuk terus memenuhi keperluan pembiayaan yang bertambah, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan aktiviti perniagaan dan penggunaan swasta. Pemberian pinjaman kepada sektor perniagaan kekal berdaya tahan pada tahun 2005, dengan permintaan untuk pembiayaan baru berkembang 5.7% kepada RM158.5 bilion (2004: 20%). Sementara itu, pinjaman terkumpul sektor isi rumah berkembang 15.1% kepada RM304.4 bilion, mencakupi 54.5% daripada portfolio pinjaman terkumpul sistem perbankan. Sejajar dengan peningkatan itu, peminjaman oleh isi rumah daripada sistem

perbankan meningkat kepada 61.5% daripada KDNK pada akhir tahun 2005. Walau bagaimanapun, tahap keberhutangan bagi sektor isi rumah kekal dalam lingkungan tahap berhemat. Infrastruktur dan keupayaan pengurusan risiko institusi perbankan bertambah baik pada tahun-tahun kebelakangan ini, justeru memperkukuh keupayaannya untuk mengurus risiko yang berpunca daripada pendedahannya kepada sektor isi rumah. Untuk memastikan pendedahan hutang yang boleh ditampung oleh isi rumah, Bank Negara Malaysia akan menubuhkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang akan memberi individu akses kepada bantuan profesional dan kepakaran dalam pengurusan kewangan dan hutang.

Pengurusan Sistem Perbankan

Teras utama langkah-langkah dasar pada tahun 2005 terus tertumpu pada peningkatan daya saing institusi perbankan domestik dan pengekalan daya tahan sektor kewangan. Dalam hal ini, usaha ditumpukan bagi meningkatkan keefisienan struktur dan operasi institusi perbankan serta memperkenalkan rangka kerja pengawalseliaan berhemat dan pengawasan penyeliaan yang lebih dinamik serta infrastruktur pengawasan yang lebih efektif dan komprehensif. Inisiatif dasar utama lain termasuk memastikan akses kepada pembiayaan yang berterusan bagi semua segmen ekonomi dan memperkukuh infrastruktur perlindungan dan pendidikan pengguna. Inisiatif ini mencerminkan teras utama Fasa Kedua Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) untuk mengangkat prestasi keseluruhan sektor kewangan.

Pada tahun 2005, landskap kewangan terus mengalami perubahan struktur. Kesemua sepuluh kumpulan perbankan domestik sudah menyempurnakan perasionalan perniagaan perbankan perdagangan dan syarikat kewangan masing-masing menjadi satu entiti tunggal. Satu lagi inisiatif strategik penting untuk memperkukuh kapasiti dan keupayaan kumpulan perbankan domestik menyumbang kepada transformasi ekonomi dan menghadapi cabaran liberalisasi ialah pembangunan bank pelaburan sepenuhnya melalui penggabungan antara bank saudagar, syarikat broker saham dan syarikat diskaun. Had pemilikan asing dalam bank pelaburan juga dinaikkan kepada 49%.

Penerapan secara beransur-ansur persaingan yang lebih sengit dalam pasaran menjadi pemangkin ke arah peningkatan prestasi institusi perbankan domestik. Sehubungan dengan itu, kefleksibelan operasi diberikan kepada institusi perbankan asing yang diperbadankan di Malaysia (LIFB) untuk menubuhkan sehingga empat cawangan tambahan pada tahun 2006. Ini merupakan langkah pertama dalam pendekatan berfasa bagi liberalisasi pembukaan cawangan untuk membenarkan penyertaan LIFB yang lebih aktif dalam sektor kewangan. Di samping itu, sebagai sebahagian daripada usaha untuk memberikan lebih kefleksibelan dan pilihan kepada institusi perbankan untuk mengurus pendedahan mereka serta mengagihkan sumber dengan lebih efisien dan efektif, institusi perbankan diberikan kefleksibelan untuk menjual langsung NPL mereka kepada pihak ketiga yang layak atau membeli NPL daripada institusi perbankan lain.

Perhatian yang sewajarnya terus diberikan ke arah memastikan elemen asas sistem kewangan yang selamat dan kukuh kekal tidak terjejas. Elemen asas ini termasuk mempunyai rangka kerja pengawasan dan pemantauan yang komprehensif dan efektif, wujudnya peraturan kehematan dan pengawasan penyeliaan yang mantap dan dinamis serta mempunyai infrastruktur kewangan yang efisien dan jaringan keselamatan kewangan yang boleh diharap. Dari segi pengawasan, usaha terus ditumpukan ke arah mempertingkatkan kekukuhan pengawasan dan penilaian daya tahan keinstitusian dan sistemik.

Sejajar dengan langkah ke arah rangka kerja pengawalseliaan ‘berasaskan prinsip’, tanggungjawab yang lebih besar diletakkan di bahu pemegang saham dan lembaga pengarah institusi perbankan untuk memastikan operasi yang kukuh dan selamat bagi institusi mereka. Untuk memimpin sektor perbankan ke arah matlamat ini, garis panduan tadbir urus korporat telah disemak dengan memberi penekanan yang lebih penting terhadap pengawasan lembaga pengarah, peranan pengarah bebas dan pengasingan yang jelas antara pengurusan dengan pemegang saham institusi perbankan.

Berhubung dengan pelaksanaan Basel II di Malaysia, maklum balas yang diperoleh daripada industri menunjukkan bahawa sebahagian besar institusi perbankan tidak melihat sebarang masalah yang besar untuk menerima pakai kaedah standard pada tahun 2008, selain penambahbaikan sistem. Hasil kajian penilaian jurang yang dikendalikan oleh institusi perbankan bersama dengan hasil perbincangan dua hala akan digunakan sebagai input dalam perumusan panduan penyeliaan terperinci dalam menerima pakai kaedah yang berbeza di bawah Basel II. Selain inisiatif Basel II, usaha diteruskan bagi memperkukuh amalan pengurusan risiko industri. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan *Rangka Kerja Kecukupan Modal Risiko Pasaran*, yang berkuat kuasa pada bulan April 2005, merupakan anjakan penting ke arah menyediakan secara eksplisit modal pengawalseliaan bagi kerugian yang bakal timbul akibat aktiviti yang mendedahkan institusi perbankan kepada risiko pasaran.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk membina asas bagi perlindungan pengguna yang efektif, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) memulakan operasi pada bulan September 2005. PIDM menyediakan perlindungan yang eksplisit berjumlah sehingga RM60,000 bagi setiap pendeposit di setiap institusi anggota. Selain itu, untuk meningkatkan rangkaian perhubungan dengan orang ramai dan sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat, Laman Informasi Nasihat dan Khidmat Bank Negara Malaysia ditubuhkan sebagai tempat rujukan sehenti bagi orang ramai, termasuk individu dan PKS, untuk mendapatkan maklumat dan penerangan bagi isu-isu yang berkaitan di samping sebagai satu platform untuk pendidikan pengguna.

Pembubaran Pengurusan Danaharta Nasional Berhad (Danaharta) pada bulan Disember 2005 menandakan kejayaan menyempurnakan bab terakhir dalam usaha penstrukturan semula sektor kewangan yang dilaksanakan selepas krisis kewangan Asia. Secara keseluruhan, kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam penstrukturan semula sektor kewangan melalui Danaharta dan Danamodal Nasional Berhad mencakupi 2.5% daripada KDNK negara.

Pada tahun 2005, Bank Negara Malaysia memperhebat usaha untuk membangunkan dan menambah baik infrastruktur sistem pembayaran selaras dengan matlamatnya untuk memastikan sistem pembayaran yang efisien, boleh dipercayai dan selamat. Usaha-usaha tersebut termasuk menubuhkan mekanisme 'pembayaran semasa pembayaran' untuk mengurangkan risiko penjelasan pertukaran asing antara bank dan memperkenalkan sistem pemangkasan cek untuk mengurangkan pengendalian cek secara fizikal dan kos berkaitan lain. Dalam usaha menambah baik keselamatan kad kredit dan ATM, institusi perbankan telah berjaya menyempurnakan pemasangan terminal berasaskan cip pada tahun 2005, menjadikan Malaysia negara pertama di rantau ini yang menyempurnakan pelaksanaan perpindahan cip di seluruh negara. Pelaksanaan perpindahan cip dilengkapkan dengan pelaksanaan talian dipersulitkan atau *line encryption* untuk menghalang penipuan dalam talian, seterusnya meningkatkan keyakinan pengguna, peniaga dan pelancong melakukan pembayaran menggunakan kad di negara ini. Dalam usaha menambah baik tahap akses bagi perkhidmatan pengiriman wang, institusi bukan perbankan yang layak dibenarkan untuk menawarkan perkhidmatan pengiriman wang, sementara institusi perbankan dibenarkan melantik ejen pemungut untuk memudahkan urus niaga pengiriman wang. Untuk menggalakkan perpindahan kepada pembayaran secara elektronik, Bank Negara Malaysia telah mengadakan forum dan pameran sistem pembayaran yang luas liputannya di negara ini pada bulan November 2005. Ia menyediakan platform untuk membincangkan isu dan cabaran dalam perpindahan kepada pembayaran secara elektronik dan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang pelbagai saluran pembayaran, produk dan inovasi.

Sistem Kewangan Islam

Prestasi industri perbankan Islam terus bertambah kukuh pada tahun 2005. Pada akhir tahun itu, aset berlandaskan Islam mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 17.7% kepada RM111.8 bilion dan jumlah itu mencakupi 11.3% daripada jumlah aset keseluruhan sistem perbankan. Bahagian pasaran deposit dan pembiayaan berlandaskan Islam juga meningkat masing-masing kepada 11.7% dan 12.1% daripada jumlah industri.

Sistem kewangan Islam di Malaysia menunjukkan kemajuan yang ketara dalam persekitaran yang semakin liberal dan berdaya saing sejajar dengan peningkatan integrasi antarabangsa sistem kewangan Islam Malaysia. Kapasiti dan keupayaan keinstitusian peserta perbankan Islam serta infrastruktur kewangan dan rangka kerja pengawalseliaan terus diperkukuh untuk mencapai objektif seperti yang terkandung dalam fasa kedua PISK. Liberalisasi industri perbankan Islam menyaksikan pembukaan bank Islam asing yang pertama yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983, pada bulan Ogos 2005. Selain itu, subsidiari Islam bagi tiga kumpulan perbankan domestik telah memulakan operasi dengan memanfaatkan sepenuhnya kefleksibelan beroperasi yang diberikan oleh lesen perbankan Islam. Berikutan liberalisasi peraturan pentadbiran pertukaran asing pada tahun 2004, pasaran kewangan Islam menunjukkan kedalaman yang lebih nyata pada tahun 2005 dengan instrumen kewangan berlandaskan Syariah dalam denominasi ringgit terus diterbitkan oleh agensi asing dalam pasaran bon dalam negeri. Perkembangan ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan dalam pasaran modal dalam negeri tetapi turut menyumbang kepada kedalaman dan peluasan pasaran.



Bank Negara Malaysia terus memantau pelaksanaan rangka kerja tadbir urus Syariah berikutan pengeluaran Garis Panduan Tadbir Urus Jawatankuasa Syariah bagi Institusi Kewangan Islam (GPS1) yang mula berkuat kuasa pada 1 April 2005. Dalam membangunkan dan menggalakkan dinamisme dan penyatuan Syariah di peringkat antarabangsa, Bank Negara Malaysia melaksanakan dua inisiatif penting pada tahun 2005. Inisiatif pertama ialah Dialog Cendekiawan Syariah yang berlangsung pada 22 – 23 Jun 2005 di Kuala Lumpur dan inisiatif kedua ialah penubuhan Dana Cendekiawan Syariah dalam Kewangan Islam berjumlah RM200 juta.

Bersempena Mesyuarat Lembaga Gabenor-Gabenor Bank Pembangunan Islam ke-30 yang diadakan di Malaysia, seminar mengenai Pelan Induk 10-Tahun Industri Perkhidmatan Kewangan Islam telah berlangsung pada 22 Jun 2005 untuk menggariskan hala tuju industri perkhidmatan kewangan Islam sedunia. Ia menyediakan platform untuk membincang dan menyediakan asas bagi pembangunan pelan induk yang akan menggariskan rangka tindakan dan arah tuju strategik bagi pembangunan berterusan industri perkhidmatan kewangan Islam sejagat.

Berikutan pembangunan sistem kewangan Islam yang komprehensif serta semakin liberal dan bersepadu dengan sistem kewangan antarabangsa, Malaysia berada pada kedudukan terbaik untuk muncul sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Inisiatif tertumpu pada mengukuhkan kekuatan Malaysia dalam originasi, penerbitan dan jual beli instrumen pasaran modal dan perbendaharaan Islam, pengurusan dana dan kekayaan Islam, pasaran perkhidmatan kewangan Islam luar pesisir serta aktiviti takaful dan takaful semula. Bagi melengkapi inisiatif tersebut, langkah diambil untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan bagi pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam perbankan dan kewangan Islam. Selain itu, menjadi hasrat supaya institusi perbankan Islam domestik akan terus berkembang ke luar negara sebagai peserta kewangan Islam serantau dan seterusnya sebagai peserta global bagi matlamat jangka masa panjang. Hala tuju dasar adalah untuk mempertingkat daya tahan, kecekapan dan kapasiti institusi kewangan Islam domestik dan infrastruktur kewangan Islam bagi mempertingkatkan kemantapan dan kestabilan sistem kewangan Islam.

Institusi Kewangan Pembangunan (IKP)

Jumlah pinjaman terkumpul institusi kewangan pembangunan (IKP) berkembang 25.8% kepada RM47.5 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM37.7 bilion). Pertumbuhan pinjaman didorong terutamanya oleh pertumbuhan dalam pembiayaan bagi kredit penggunaan dan pinjaman yang diberi untuk projek infrastruktur. Sementara itu, pemberian kemudahan jaminan dan insurans kredit meningkat 12.4% kepada RM4.8 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM4.3 bilion), disebabkan sebahagian besarnya oleh kenaikan dalam jaminan yang disediakan oleh Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC).

Pada tahun 2005, dasar tertumpu pada dua bidang umum, iaitu memperkukuh kapasiti dan keupayaan IKP dan menambah baik rangka kerja kehematan untuk mengukuhkan operasi IKP. Tahun 2005 menyaksikan pencapaian penting dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi IKP. Usaha rasionalisasi yang melibatkan empat buah IKP telah disempurnakan pada tahun 2005 dan membawa kepada penubuhan

Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) dan penggabungan Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank) dengan Malaysia Export Credit Insurance Berhad. Sementara itu, Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad telah distrukturkan semula dan diberi nama baru, iaitu Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk mencerminkan tumpuan barunya. Usaha rasionalisasi itu merupakan inisiatif penting untuk menjajarkan semula aktiviti IKP ke arah mempertingkatkan tumpuan strategik dan perniagaan mereka.

Di samping itu, pelan tindakan yang khusus telah dirangka untuk SME Bank, Bank Pertanian Malaysia dan EXIM Bank untuk mempertingkatkan kecekapan dalam memberikan khidmat nasihat kepada PKS. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan prestasi Bank Pertanian Malaysia dalam melaksanakan peranan yang dimandatkan, inisiatif untuk memperkukuh peranannya dalam mempertingkatkan akses kepada pembiayaan bagi sektor pertanian dan industri berasaskan pertanian juga diperkenalkan. Bagi memastikan operasi IKP dilaksanakan secara berhemat, efektif dan efisien, Bank Negara Malaysia menumpukan usahanya untuk mempertingkatkan standard tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan kecekapan operasi IKP.

Tinjauan dan Prospek Ekonomi Malaysia pada Tahun 2006

Pengembangan ekonomi global dijangka kekal kukuh pada 4.3%, sementara pertumbuhan perdagangan dunia diramal berkembang pada kadar yang lebih kukuh sebanyak 7.4% pada tahun 2006. Pertumbuhan global yang lebih seimbang dijangka merentas ekonomi utama, dengan pemulihan dalam ekonomi Jepun dan Eropah. Satu lagi ciri penting ialah trend pelaburan yang meningkat dengan lebih kukuh, yang dapat dilihat di beberapa negara utama, manakala penggunaan kekal memberangsangkan. Pertumbuhan rantau Asia Timur diramal kekal pada pertumbuhan yang kukuh iaitu 7~7.2%. Pertumbuhan ini juga disokong oleh pemulihan dalam sektor elektronik berikutan perbelanjaan berkaitan ICT yang lebih tinggi di negara-negara perindustrian dan pengukuhan yang berterusan dalam permintaan dalam negeri di rantau itu. Permintaan dalam negeri akan didorong oleh peningkatan penggunaan penduduk golongan remaja yang ketara yang mempunyai pertimbangan kuasa berbelanja yang tinggi dan permintaan yang kukuh terhadap keluaran elektronik pengguna.

Ekonomi Malaysia dijangka terus kukuh pada tahun 2006 dalam persekitaran ekonomi global yang lebih menggalakkan. KDNK benar dijangka meningkat pada kadar yang lebih pesat, iaitu 6%, didorong oleh prestasi eksport yang kukuh dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Kitaran menaik bagi separa konduktor global, pertumbuhan global yang mapan dan harga komoditi utama yang lebih tinggi dijangka memberikan kesan positif atas eksport serta penggunaan dan pelaburan swasta.
Penunjuk semasa menyarankan bahawa peningkatan industri separa konduktor global yang bermula pada separuh kedua tahun 2005 akan menjadi lebih pesat pada tahun 2006. Malaysia dijangka mendapat manfaat daripada perkembangan yang menggalakkan ini dengan pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih kukuh, terutamanya dalam segmen komputer dan separa konduktor. Permintaan dalam negeri akan dipacu oleh penggunaan swasta berikutan pendapatan yang meningkat dan faktor demografi. Faktor demografi mengesahkan kecenderungan mengguna yang tinggi di Malaysia yang secara relatif mempunyai ramai penduduk muda yang bekerja. Pada masa yang sama, dalam persekitaran mudah tunai yang lebih daripada mencukupi, keadaan kredit akan tetap menyokong pertumbuhan. Pelaburan swasta dijangka berkembang disebabkan terutamanya oleh peningkatan dalam perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan serta industri minyak dan gas, didorong oleh keadaan permintaan yang memberangsangkan.

Dari segi penawaran, pertumbuhan sektor perkilangan dijangka bertambah kukuh sejajar dengan peningkatan kitaran separa konduktor global, manakala sektor perkhidmatan dijangka mengekalkan prestasi yang kukuh kerana sokongan aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih tinggi, dan peningkatan yang berterusan dalam aktiviti penggunaan dan perniagaan. Sektor komoditi dijangka menyaksikan pertumbuhan yang lebih menyeluruh dengan peningkatan dalam pengeluaran getah, minyak mentah dan segmen pertanian lain, manakala pengeluaran minyak sawit mentah akan mengalami konsolidasi selepas mencatat pertumbuhan kukuh selama tiga tahun. Sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan positif seiring dengan peningkatan dalam segmen kejuruteraan awam.

Inflasi tolakan kos dijangka meningkat berikutan kenaikan harga produk petroleum pada 28 Februari 2006. Permintaan yang kukuh juga meningkatkan inflasi. Tanpa sebarang pelarasan harga tambahan, inflasi dijangka memuncak pada separuh pertama tahun 2006. Seterusnya, inflasi mungkin akan reda pada suku ketiga tahun 2006 dengan berakhirnya kesan pelarasan harga yang dilaksanakan pada tahun 2005. Bagi tahun 2006 keseluruhannya, kadar inflasi purata dianggarkan berada pada julat antara 3.5% hingga 4%.

Kedudukan imbangan pembayaran dijangka kekal mantap pada tahun 2006 dengan lebihan akaun semasa yang kekal besar, disokong oleh imbangan perdagangan yang kukuh. Pertumbuhan eksport yang dijangka kukuh, yang didorong oleh peningkatan yang berterusan dalam eksport perkilangan terutamanya eksport keluaran elektronik dan elektrik, akan menyumbang kepada lebihan perdagangan yang lebih besar. Selain itu, pertumbuhan eksport komoditi dijangka dikekalkan oleh harga yang tinggi dan peningkatan dalam kuantiti eksport. Dalam akaun kewangan, aliran masuk FDI yang stabil akan turut memperkukuh imbangan pembayaran keseluruhan. Sebahagian besar daripada FDI adalah dalam bentuk perolehan yang dilabur semula oleh syarikat multinasional (MNC) yang sedia ada di Malaysia.

Pengurusan Ekonomi, Monetari dan Kewangan pada Tahun 2006

Dasar-dasar pada tahun 2006 tertumpu pada inisiatif untuk menjana pertumbuhan yang lebih berkualiti dalam jangka masa terdekat bagi menyediakan asas yang kuat untuk pertumbuhan jangka masa panjang yang mapan. Inisiatif ini termasuk beberapa langkah untuk meningkatkan daya tahan dan kemampuan negara menghadapi cabaran luaran yang muncul akibat daripada kenaikan harga minyak dan persaingan global yang semakin meningkat. Kedudukan kewangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dijangka bertambah kukuh pada tahun 2006 dengan ekonomi memperoleh semula momentum pertumbuhannya. Defisit fiskal pada tahun 2006 dijangka terus berkurang kepada 3.6% daripada KDNK (2005: 3.8%) selepas mengambil kira potensi kehilangan hasil bersih sebanyak RM1 bilion berikutan langkah-langkah percukaian yang diumumkan dalam Bajet Tahun 2006. Perbelanjaan

pembangunan Kerajaan Persekutuan akan terus tertumpu pada faktor ekonomi dan sosial dalam usaha Kerajaan untuk mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara kawasan bandar dengan luar bandar. Pada akhir bulan Mac 2006, Kerajaan akan melancarkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) yang meletakkan asas untuk pembangunan seterusnya dan mengukuhkan prospek ekonomi Malaysia bagi tempoh antara 2006 hingga 2010. Rancangan itu dijangka menekankan kepentingan untuk memastikan kemajuan seterusnya dalam sektor pertumbuhan baru untuk mencapai kejayaan mentransformasikan Malaysia menjadi ekonomi berasaskan ilmu yang lebih berdaya tahan.

Pada 22 Februari 2006, OPR telah dinaikkan sebanyak 25 mata asas kepada 3.25%, memandangkan pengumuman data KDNK bagi suku keempat menunjukkan momentum pertumbuhan dapat dikekalkan pada 5.2% sementara risiko asas terhadap inflasi masih nyata. Dasar monetari Bank Negara Malaysia akan terus tertumpu pada pengekalan keseimbangan antara risiko terhadap kestabilan harga dengan risiko terhadap pertumbuhan ekonomi. Oleh itu, dasar monetari akan bertindak balas terhadap perkembangan baru yang memberikan implikasi kepada prospek kestabilan harga dan pertumbuhan ekonomi yang mapan bagi jangka masa sederhana.

Teras dasar sektor kewangan pada tahun 2006 akan tertumpu ke arah memelihara kestabilan yang telah dapat dikekalkan dalam tahun-tahun sebelumnya dengan mengukuhkan lagi daya tahan dan daya saing keinstitusian dan sistemik, serta menggalakkan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif. Usaha ini akan dilengkapi oleh inisiatif pendidikan dan perlindungan pengguna yang berterusan bagi memastikan pengguna yang mempunyai maklumat secukupnya dan urus niaga kewangan yang adil. Penekanan juga akan terus diberikan untuk meningkatkan lagi kecekapan mengakses pembiayaan oleh pelbagai segmen dalam ekonomi.

Dengan sempurnanya pengharmonian peraturan bagi perbankan pelaburan, inisiatif dasar pada tahun 2006 akan tertumpu pada melaksanakan rangka kerja bank pelaburan. Memandangkan peserta baru yang dijangka muncul ekoran transformasi broker universal dan syarikat diskaun kepada bank pelaburan, usaha akan ditumpukan ke arah menilai keupayaan mereka untuk memainkan peranan baru, dan juga memastikan risiko yang berpunca daripada integrasi aktiviti perbankan dan pasaran modal akan diurus dengan sewajarnya.

Berikutan struktur kumpulan institusi kewangan yang semakin kompleks, kertas konsep yang kedua berhubung dengan rangka kerja penyeliaan bersepadu konglomerat kewangan dijangka dikeluarkan pada tahun 2006. Pendekatan yang lebih holistik dalam penyeliaan akan membantu penilaian yang lebih tepat terhadap pendedahan risiko dan kecukupan sistem pengurusan risiko pada peringkat kumpulan bagi konglomerat kewangan. Ini akan diiringi oleh inisiatif untuk memperkukuh keupayaan dan kapasiti penyelia dalam fungsi pengawasan mereka.

Memandangkan hubungan yang penting antara sektor perbankan dengan ekonomi, usaha akan ditumpukan ke arah mempertingkatkan lagi skop dan kedalaman rangka kerja pengawasan dengan menggunakan lebih banyak instrumen yang bersifat ke hadapan untuk memantau dan menilai perkembangan persekitaran kewangan dan ekonomi. Pada masa yang sama, rangka kerja ujian tekanan akan dipertingkatkan untuk memastikan kekukuhannya dalam menilai daya tahan sesebuah institusi perbankan terhadap pelbagai bentuk kejutan ekonomi dan kewangan.

Bagi sistem pembayaran, tumpuan dasar adalah ke arah menyediakan persekitaran yang menyokong pengenalan lebih banyak kaedah pembayaran secara elektronik, menggalakkan penggunaan saluran pembayaran formal dan menyelaraskan usaha industri untuk perpindahan kepada pembayaran secara elektronik. Kecekapan pemprosesan cek akan ditingkatkan dengan memanfaatkan teknologi pengimejan untuk memangkas cek, seterusnya mengurangkan pengendalian cek secara fizikal dalam proses penjelasan. Pada masa yang sama, langkah penambahbaikan perkhidmatan pembayaran secara elektronik sedia ada akan diambil untuk menggalakkan penggunaan saluran pembayaran secara elektronik dengan lebih meluas. Di samping itu, usaha akan diteruskan untuk mempertingkatkan piawaian pembayaran dan mewujudkan mekanisme yang efektif untuk mengurangkan risiko pembayaran. Menyedari kepentingan mengekalkan keyakinan pengguna dalam penggunaan perkhidmatan perbankan Internet, Bank Negara Malaysia sedang menyemak garis panduan perbankan Internet untuk memperkenalkan keperluan pengesahan baru, bersama-sama dengan langkah pendidikan dan perlindungan pengguna yang lebih luas. Melangkah ke hadapan, Bank Negara Malaysia juga akan memperkenalkan peraturan wang secara elektronik untuk mengawal selia pengeluaran wang pelbagai guna secara elektronik oleh institusi bukan perbankan. Usaha dalam industri pembayaran akan tertumpu pada peningkatan akses kepada perkhidmatan pembayaran, meningkatkan tahap perkhidmatan dan menggalakkan penggunaannya secara aktif. Memandangkan Malaysia merupakan negara yang mempunyai pengguna tunai dan cek yang ramai, potensi penjimatan kos dengan beralih kepada teknologi elektronik dalam urusan pembayaran adalah besar.

Pada tahun 2006, teras dasar utama bagi sektor perbankan Islam akan terus tertumpu pada pengukuhan daya tahan sistem perbankan Islam dan peningkatan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan Islam. Ini adalah sejajar dengan matlamat untuk mempertingkatkan integrasi sektor perbankan Islam dengan landskap kewangan Islam antarabangsa, dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa. Rangka kerja pengawalseliaan bagi institusi kewangan Islam (IFI) akan diperkukuh berikutan pengeluaran piawaian mengenai kecukupan modal dan pengurusan risiko oleh Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) untuk mematuhi keperluan baru berkuat kuasa 1 Januari 2007. Di samping itu, rangka kerja mengenai tadbir urus pemegang akaun pelaburan dan garis panduan tadbir urus korporat yang disemak bagi IFI akan diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia bagi mengukuhkan lagi rangka kerja keinstitusian. Bidang dasar yang lain meliputi penambahbaikan rangka kerja perundangan dan Syariah, pembangunan produk dan pasaran, dan pembangunan modal insan dan pendidikan pengguna.

Rangka kerja perundangan dan pengawalseliaan dijangka diperkukuh dan pindaan Akta Bank Islam 1983 akan dibentangkan pada tahun 2006. Usaha juga akan ditumpukan ke arah memenuhi keperluan tenaga kerja melalui penubuhan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) pada bulan April 2006. Pembangunan bakat merupakan salah satu faktor penting yang dikenal pasti bagi mengembangkan inovasi produk dan perkhidmatan perbankan Islam dengan pesat. INCEIF dijangka memperluas kumpulan bakat yang diperlukan dalam pasaran kewangan Islam global. Dasar dan inisiatif baru juga akan ditumpukan ke arah mewujudkan persekitaran perkhidmatan kewangan Islam di Malaysia yang lebih sesuai dan mesra pelaburan kepada masyarakat kewangan Islam antarabangsa. Usaha akan ditumpukan untuk mempromosikan Malaysia sebagai platform yang boleh digunakan oleh entiti luar untuk pelaburan serta keperluan pembiayaan mereka.

Teras dasar institusi kewangan pembangunan (IKP) pada tahun 2006 adalah untuk terus mengukuhkan lagi kapasiti dan keupayaan IKP, justeru memupuk dan membangunkan IKP yang efisien, efektif dan teguh yang dapat menyediakan sokongan kewangan dan bukan kewangan kepada sektor ekonomi yang disasarkan. Dengan sempurnanya usaha perasionalan yang melibatkan empat buah IKP pada tahun 2005, melangkah ke hadapan, inisiatif akan tertumpu pada peningkatan fungsi dan skop aktiviti IKP dalam memenuhi keperluan kewangan dan pembangunan sektor sasaran masing-masing. Ini, antara lain, termasuk pengukuhan kapasiti kewangan IKP tertentu di samping meluaskan jenis produk dan perkhidmatan yang ditawarkan IKP. Untuk tujuan ini, usaha seterusnya akan diambil untuk meningkatkan *outreach* dan keberkesanan khidmat nasihat yang disediakan oleh IKP kepada PKS, terutama melalui kerja sama dengan agensi Kerajaan berkaitan.

Satu lagi tumpuan penting ialah penambahbaikan persekitaran pengawalseliaan untuk memudahkan operasi IKP melalui keperluan kehematan dan piawaian pengawalseliaan yang khusus, dan juga meningkatkan kekukuhan kewangan dan amalan pengurusan risiko mereka. Penekanan juga akan diberikan ke arah meningkatkan kecekapan IKP. Dalam hal ini, inisiatif akan diambil untuk merumuskan rangka kerja pengukuran prestasi yang menyeluruh bagi IKP, yang terdiri daripada penunjuk prestasi kewangan dan bukan kewangan.

Akaun Tahunan Bank Negara Malaysia yang Diaudit bagi Tahun 2005

Kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia bagi tahun 2005 telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Jumlah aset Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM295.4 bilion pada akhir tahun 2005 (akhir tahun 2004: RM284.9 bilion). Peningkatan ketara aset disebabkan oleh peningkatan dalam rizab antarabangsa. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM266.3 bilion (USD70.5 bilion) pada akhir tahun 2005. Bank Negara Malaysia mencatat keuntungan bersih sebanyak RM3.6 bilion pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2005 dan mengisytiharkan dividen sebanyak RM1.2 bilion kepada Kerajaan bagi tahun 2005.

Bank Negara Malaysia
22 Mac 2006